

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATUK WIRA HAJI MOHD. ANUAR MOHD.  
TAHIR  
[TEMERLOH]**

**TARIKH : 9 NOVEMBER 2021 (SELASA)**

**SOALAN**

Minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan penjelasan pemerkasaan TVET di era “Industrial Revolution 4.0” termasuk berkaitan kerjasama industri bagi meningkatkan kebolehpasaran graduan. Laporan audit baru-baru ini mengenal pasti kelemahan dalam penyampaian dan akreditasi, perakuan akreditasi, penilaian kecekapan tenaga pengajar dan pengurusan pembiayaan pinjaman pelajaran.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) sentiasa komited dalam memastikan kualiti program TVET relevan dan menepati keperluan industri. Pelbagai usaha dilaksanakan merangkumi penambahbaikan dasar sedia ada yang berkaitan dan juga dari aspek pengoperasian institusi TVET. Hal ini penting bagi memastikan TVET terus diperkasakan khususnya dalam mendepani era “Industrial Revolution (IR) 4.0”.

Dalam hubungan ini, perkara berikut dilaksanakan secara tuntas oleh KPT melalui Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti (JPPKK):

- (i) **Menerbitkan Garis Panduan Reka Bentuk dan Penyampaian Kurikulum TVET.** Dokumen ini menjadi sumber rujukan umum tentang reka bentuk dan penyampaian untuk program-program TVET di peringkat pendidikan tinggi kepada penyedia pendidikan TVET, industri, pelajar, ibu bapa dan mana-mana individu yang berminat dengan TVET;
- (ii) **Mewujudkan kod amalan, iaitu *Code of Practice for TVET Programme Accreditation (COPTPA)*.** Dokumen yang dibangunkan dengan kerjasama Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) ini menggariskan skop program TVET dan standard minimum pelbagai keperluan khusus program TVET sebagai rujukan kepada Pemberi Pendidikan Tinggi dalam penawaran dan jaminan kualiti program pengajian;
- (iii) **Melaksanakan inisiatif perkongsian pintar Kementerian dengan pihak berkepentingan melalui Program 4IR Flagships.** Terdapat lapan projek terlibat merangkumi pelbagai bidang seperti *Autonomous Vehicle, Cyber Security, dan Agriculture/Aquaculture*. Tujuan inisiatif ini adalah untuk melengkapkan ekosistem yang holistik dalam mengaplikasi teknologi 4IR merangkumi latihan

kepada pensyarah serta penyediaan infrastruktur dan infostruktur berasaskan 4IR.

- (iv) **Memperkasakan pensyarah melalui latihan peningkatan kompetensi.** Ini dapat dijayakan melalui pelaksanaan Program Kepimpinan Instruksional dan Pembangunan Andragogi (KIPA) dan menggalakkan pensyarah menjalani sangkutan industri.
- (v) **Memperkukuh tadbir urus dan penyelarasan inisiatif memperkasakan TVET merentasi Kementerian melalui penubuhan Majlis TVET Negara.** MTVET berfungsi untuk memperhalusi isu-isu seperti ketidakselarasan tadbir urus TVET; dan
- (vi) **Menjalin kolaborasi strategik dengan badan pengiktirafan antarabangsa, iaitu Sydney Accord dan Dublin Accord melalui Lembaga Jurutera.** Ini sebagai pemangkin kepada pembangunan bakat graduan TVET agar setanding dengan kualiti antarabangsa.

Sekian terima kasih.